

**KAJIAN AWALAN PERBANDINGAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN  
ANTARA KOTA BHARU KELANTAN, DAN PADANG, SUMATERA  
COMPARATIVE PRELIMINARY STUDY ON ENTREPRENEURSHIP ACTIVITY IN KOTA  
BHARU AND PADANG, SUMATRA**

*MOHD NOR HAKIMIN YUSOFF, MOHD RAFI YAACOB*

*ABSTRAK*

Kajian awalan ini melihat persamaan yang wujud diantara aktiviti keusahawanan di dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia dengan fokus kepada Kota Bharu, Kelantan dan Padang, Indonesia. Kajian ini menggunakan instrumen temubual bebas dan pemerhatian (observation) untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Temubual bertujuan untuk mendapatkan gambaran mengenai responden meliputi konstruk demografi, status sosial, persekitaran keluarga, kegiatan ekonomi dan motivasi keusahawanan. Hasil kajian awal ini mendapati wujud persamaan di dua lokasi ini, antara lainnya: wanita mendominasi perniagaan di pasar-pasar besar dan persamaan jenis perniagaan yang dijalankan iaitu berkaitan pakaian dan tekstil. Kajian juga mendapati wujud persamaan yang agak ketara dari segi sumber modal perniagaan bersumberkan modal dalaman dan telah menjadi budaya ke dua-dua masyarakat dimana penglibatan wanita dalam perniagaan adalah untuk membantu menjana pendapatan tambahan. Manakala sebahagian kaum lelaki suka berhijrah mencari rezeki di tempat lain. Kajian ini mencadangkan kajian yang lebih mendalam untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi kewujudan persamaan ini dan penggunaan sokongan kerajaan dalam membangunkan lagi aktiviti keusahawanan di kedua-dua negara.

*Kata kunci:* Keusahawanan, sokongan perniagaan, wanita, budaya

*ABSTRACT*

This preliminary analysis is to examine similarities that may exist in the entrepreneurial activity between the two countries, namely Malaysia and Indonesia with focus on Kota Bharu, Kelantan and Padang, Indonesia. This study utilizes an independent interview and observation instruments to acquire information from respondents. Interviews are aimed to obtain information that cover the demography construct, social status, family environment, economic activity and entrepreneurial motivation. The results of this preliminary study show that there are similarities in these two locations. Among others, women are to be dominating the business in large markets and the common types of business carried are clothing and textiles. The results further indicate that there are quite significant similarities in terms of resources of business capital, which is based on internal capital and it is a culture for both communities that the participation of women in business is to help generate additional income. Meanwhile, some men like to migrate in seeking for income. This study suggests a more in-depth analysis should be taken in order to inspect the factors that may influence the existence of this similarities and the support of government to further develop entrepreneurial activity in both countries.

*Keyword:* Entrepreneurship, business support, women, culture

**PENGENALAN**

Aktiviti perdagangan antara kepulauan Melayu telah lama terjalin dengan Melaka menjadi antara pusat dagangan dan pelabuhan yang sibuk dalam kepulauan ini. Hubungan yang telah lama wujud ini dipercayai berlakunya penghijrahan penduduk antara kepulauan yang menyebabkan berlakunya asimilasi adat resam, aktiviti keusahawanan dan juga transformasi budaya, serta aktiviti sosial yang lain dalam kehidupan. Banyak persamaan dalam cara hidup, adat resam dan budaya boleh dilihat dalam kehidupan masyarakat di

Malaysia dan Indonesia selain daripada bahasa pertuturan yang mempunyai persamaan ketara. Justeru, kajian awal ini melihat secara perbandingan antara aktiviti keusahawanan di kalangan usahawan dalam kategori mikro, kecil dan sederhana di Padang, Sumatera, Indonesia dan Kelantan, Malaysia.

### **Negeri Kelantan Sepintas Lalu**

Negeri Kelantan terletak di utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan negara Thailand. Negeri ini mempunyai keluasan 14,922 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 1.37 juta orang pada tahun 2010. Majoriti penduduk terdiri daripada kaum Melayu (95%), Cina (1.5%), India (1%), Bumiputera lain (1.5%) dan kaum lain (0.5%). Kelantan lebih dikenali sebagai sebuah negeri pertanian. Majoriti penduduknya terlibat dalam aktiviti pertanian seperti penanam padi, pekebun getah dan pengusaha tanaman tembakau. Manakala aktiviti pelancongan mula mendapat tempat dikalangan penduduk Kelantan terutama penduduk di sepanjang pantai (Kelantan Tourism Information Centre, 2010). Selain dari faktor budaya, keunikan negeri ini berkisar kepada kegiatan perniagaan kecil dan sederhana yang diusahakan oleh kaum wanita. Manifestasi kepentingan kaum wanita dalam perniagaan dan sebagai mengiktiraf sumbangan mereka, pihak berkuasa negeri ini telah menamakan pasar besar ini dengan nama tokoh usahawan wanita Islam terkenal iaitu Siti Khadijah<sup>1</sup>. Dari segi ekonomi, Kelantan tersenarai sebagai salah sebuah negeri termiskin di Malaysia dengan purata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita RM6,012 yang menyumbang kepada 1.7% KDNK negara (Jabatan Statistik, 2010).

### **Padang, Sumatera sepintas lalu**

Kota Padang adalah kota tertua dan menjadi ibukota Sumatera Barat. Ia terletak di pantai barat pulau Sumatera dengan keluasan 69,496 km persegi dimana 52% kawasannya masih diliputi hutan yang dijaga rapi oleh pemerintah. Jumlah penduduk dianggarkan 856,820 orang dengan majoriti tertumpu di kota. Kegiatan ekonomi utama penduduk disini ialah pertanian.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Menyedari kepentingan PKS kepada ekonomi dan cabaran yang besar dalam ekonomi tanpa sempadan, PKS perlu bergerak melangkaui sempadan untuk menjamin kesinambungan mereka dalam pasaran. Untuk merealisasikan impian ini, kerjasama pintar boleh disusun. Sebagai langkah awal kerjasama pasaran dengan negara berjiran boleh diterokai. Justeru, kajian perbandingan ini akan menjawab soalan kajian berikut;

- i. Apakah wujud persamaan aktiviti bidang keusahawanan diantara kedua-ke dua lokasi kajian?
- ii. Apakah ciri-ciri persamaan yang wujud di antara lokasi kajian?
- iii. Apakah faktor-faktor pendorong untuk menceburi bidang perniagaan dikalangan usahawan setempat?
- iv. Kenapa kedua lokasi kajian ini mempunyai keunikan dalam aktiviti keusahawanan di negara masing-masing?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk;

- i. Mengenalpasti ciri-ciri persamaan yang ada dalam aktiviti keusahawanan di negeri Kelantan dan Padang, Indonesia.
- ii. Mengenalpasti faktor pendorong kepada aktiviti keusahawanan di Kelantan dan Padang, Indonesia.
- iv. Mencadangkan kajian yang lebih mendalam untuk melihat dua aspek yang dinyatakan dalam ke dua-dua objektif atas.

---

<sup>1</sup> Siti Khadijah binti Khuwailid merupakan isteri kepada Nabi Muhamad s.a.w yang juga usahawan wanita terkenal dikalangan bangsa arab dizaman tersebut.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian ini dapat digarapkan pada tiga perspektif; pertama, maklumat awal dari kajian ini boleh dieksploitasi oleh usahawan-usahawan kedua-dua negara untuk menjalinkan kerjasama perniagaan. Kedua, hasil kajian ini membuka ruang kepada penyelidik untuk meneroka secara mendalam faktor-faktor yang mempengaruhi persamaan yang wujud dalam kegiatan keusahawanan di kedua-dua lokasi ini. Ketiga, berasaskan penemuan kajian ini, penyelidik boleh menumpukan kepada bidang-bidang berkaitan yang perlu dibuat kajian yang lebih terperinci.

## **SKOP DAN BATASAN KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian awal yang hanya merangkumi beberapa usahawan mikro dan kecil di negeri Kelantan dan Padang, Indonesia. Kajian ini bersifat tinjauan (exploratory) yang mana struktur kerangka kajian agak bebas dan fleksibel. Data diperoleh secara pemerhatian, temubual dan juga catatan aspek-aspek penting kajian. Bilangan sampel adalah kecil dan pengumpulan data menjurus kepada maklumat persamaan dan perbezaan ciri-ciri aktiviti keusahawanan serta atribut usahawan di kedua-dua tempat. Faktor kekangan masa dan kos telah membataskan kajian lebih menyeluruh dilakukan. Kajian ini hanya kajian awalan untuk melihat persamaan yang wujud dalam aktiviti keusahawanan di kedua-dua tempat. Ia tidak mengkaji faktor-faktor lain yang menyumbang kepada situasi ini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian awalan ini menggunakan instrumen temubual bebas dan pemerhatian (observation) untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Temubual bertujuan untuk mendapatkan gambaran mengenai responden meliputi konstruk demografi, status sosial, persekitaran keluarga, kegiatan ekonomi dan motivasi keusahawanan. Demografi dan status sosial meliputi maklumat berkaitan jenis perniagaan, sumber modal, bilangan pekerja, taraf pendidikan, pendapatan, pemilikan tempat tinggal dan kenderaan. Persekitaran keluarga merangkumi maklumat pembuat keputusan dan persepsi masyarakat terhadap aktiviti keusahawanan. Akhir sekali kegiatan ekonomi dan motivasi melibatkan persoalan mengenai pekerjaan sebelum menceburi perniagaan, sokongan perniagaan yang diterima, pihak yang memberi galakan dan sokongan masyarakat. Temubual dibuat secara tidak berstruktur semasa lawatan dibuat ke premis perniagaan pada 10 hingga 14 Jun 2009 di Padang, Sumatera dan pada 6 hingga 8 Ogos 2009. Beberapa temubual dirakam menggunakan MP 4 dan dianalisa secara manual.

Pemerhatian ditumpukan kepada keadaan infrastruktur perniagaan, susunan kedai, gelagat dan perwatakan usahawan dalam melaksanakan aktiviti perniagaan. Ia dibuat untuk mendapatkan maklumat berkaitan persekitaran dan tatacara dalam menjalankan perniagaan. Seramai 6 responden dipilih secara rawak dilokasi kajian iaitu Pasar Atas dan Pasar Bawah, Pasar Lereng, Pandai Sikek, dan Koto Baru, di Padang. Manakala 4 orang responden dipilih secara rawak di kalangan usahawan di Pasar Besar Siti Khadijah di Kota Bharu, Kelantan.

## **KAJIAN LITERATUR**

### **Usahawan dan Keusahawanan**

Usahawan mempunyai takrifan yang berbeza-beza mengikut disiplin dan perspektif pengkaji menjurus kepada sifat-sifat dalaman yang ada pada diri usahawan. Cantillon (1755) mentakrifkan usahawan ialah seorang yang membayar harga tertentu untuk mendapatkan produk untuk tujuan dijual semula dengan mengambilkira pertimbangan keuntungan (Cantillon, 1755 dipetik dalam Schaper & Vollery, 2004). Dari perspektif risiko, usahawan dilihat sebagai seorang yang membuka perniagaan baru, mengambil risiko dalam usaha mencari keuntungan melalui pertumbuhan dan sumber yang ada disekelilingnya (Zimmerer & Scarborough, 1998). Manakala pengkaji-pengkaji di Malaysia dalam bidang keusahawanan telah mengemukakan beberapa takrifan mengenai usahawan. Khairuddin (1996) mentakrifkan usahawan sebagai

individu yang memiliki sifat kreatif, inovatif, melakukan sesuatu dengan perancangan, bercita-cita dan mempunyai wawasan.

Secara kesimpulan, usahawan ialah seseorang yang memiliki sifat-sifat positif dan berusaha untuk memajukan diri untuk mencapai kejayaan. Manakala keusahawanan pula merupakan proses mencipta sesuatu yang baru dan berbeza dari segi nilai intrinsik merangkumi pembangunan produk, mengenalpasti pasaran atau membangunkan entiti organisasi yang baru (Davidson & Wiklund, 2001). Das & Teng (1997) pula berpendapat keusahawanan melibatkan aktiviti mengenalpasti dan menguruskan risiko. Kegiatan keusahawanan tidak terhad kepada dua aktiviti diatas, malah ia turut meliputi aktiviti memajukan lagi potensi keusahawanan. Ia termasuklah proses penambahbaikan, pengembangan atau perubahan kepada pendekatan sedia ada (Brazeal & Hergert, 1999). Untuk itu, Schumpeter telah memperkenalkan konsep 'creative destruction' dimana untuk menggambarkan proses penambahbaikan yang berterusan dalam keusahawanan (Alias, 2007). Daripada karya-karya diatas dapat disimpulkan keusahawanan melibatkan proses menembusi pasaran baru dengan melakukan sesuatu yang baru dengan lebih baik dan berbeza daripada apa yang ada dalam persekitaran secara berterusan.

### **Keusahawanan dan Pengaruh Budaya**

Deal dan Kennedy (1983) dalam Chouke dan Armstrong (2000) mentakrifkan budaya sebagai "cara kita melaksanakan sesuatu disini". Hasil kajian terdahulu menunjukkan perbezaan gelagat dan aktiviti keusahawanan dipengaruhi oleh budaya setempat dan kesan keadaan persekitaran sesebuah negara. Ini kerana budaya dan persekitaran juga mempengaruhi gelagat dan ciri-ciri dalaman yang ada pada individu. McClelland (1961) dalam memperkenalkan teori kehendak kepada pencapaian (need for achievement) berhujah ciri ini perlu ada dalam diri usahawan dan ia lebih penting daripada keinginan untuk mengumpul kekayaan. Beliau menegaskan kehendak kepada pencapaian boleh dipupuk melalui proses sosialisasi dan latihan (McClelland 1961 dipetik dalam Stevenson, 2010). Kajian tersebut turut mendedahkan proses sosialisasi dengan perubahan dalam amalan masyarakat mampu mempengaruhi budaya keusahawanan sesuatu masyarakat. McClelland juga dalam kajian yang meliputi sampel daripada 13 negara merentasi budaya telah mengenalpasti 13 ciri-ciri usahawan yang berjaya iaitu, inisiatif, melihat dan bertindak atas peluang, cekal, mencari maklumat, kualiti kerja tinggi, komitmen, berorientasikan kecekapan, perancangan sistematik, menyelesaikan masalah, yakin, cekal, menyakinkan dan strategi mempengaruhi (Alias, 2007).

Biar pun budaya dan persekitaran telah membezakan aktiviti dalam bidang keusahawanan, kajian di Eropah, Amerika Utara dan Australia menunjukkan wujud persamaan dalam beberapa dimensi seperti komitmen kerja dan usaha, nilai, keputusan ekonomi, inovasi, mengambil risiko, cita-cita, pencapaian dan ciri-ciri egoistik (Hyrsky dalam Stevenson, 2010). Persamaan ketara ini lebih kepada sifat individu dan kualiti yang ada pada seorang usahawan. Justeru, variasi proses dalam keusahawanan secara amnya dipengaruhi oleh budaya dan persekitaran masyarakat.

Bagaimanapun, kewujudan persamaan dalam masyarakat di Asia telah dibuktikan secara saintifik. Penemuan dalam kajian yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia berkaitan pemetaan genetik manusia di rantau Asia mendapati terdapat persamaan yang jelas dari segi genetik 73 kumpulan etnik Asia walaupun terpisah oleh sempadan geografi. Penemuan ini jelas menunjukkan penduduk Asia kebanyakannya berasal dari rumpun yang sama. Dalam kajian yang berasingan yang dijalankan oleh penyelidik yang sama mendapati terdapat persamaan genetik antara Melayu Minang di Padang, Sumatera dan Melayu Kelantan (Universiti Sains Malaysia, 2010).

### **Wanita Dalam Dunia Keusahawanan**

Wanita telah lama bergiat aktif dalam bidang keusahawanan. Antara faktor mendorong wanita terlibat dalam bidang yang didominasi oleh lelaki ialah keinginan untuk menambah pendapatan dan kebebasan dan tuntutan ekonomi untuk meneruskan kehidupan (Thuaiyah, et al., 2007). Di Malaysia 30.3% perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dimiliki oleh wanita (Normah, 2006). Hal ini menunjukkan sumbangan wanita kepada pembangunan ekonomi negara adalah amat signifikan.

Mengikut beberapa kajian dalam dan luar negara mendapati kaum wanita banyak terlibat dalam aktiviti keusahawanan yang berteraskan perkhidmatan. Penumpuan wanita lebih kepada sektor perkhidmatan kerana dipengaruhi oleh pengalaman kerja, kemudahan beroperasi di rumah sambil menguruskan rumah tangga, tahap pendidikan yang tidak khusus dan kecenderungan wanita yang lebih berorientasikan pelanggan (Roffey et al., 1996). Kajian oleh Watson & Newby (2005) di Australia pula

menunjukkan jumlah penglibatan kaum wanita dalam sektor perkhidmatan iaitu peruncitan, kemudahan, kafe dan restoren serta perkhidmatan lain jauh lebih besar daripada kaum lelaki. Kajian ini juga mendapati tiada perbezaan atribut keusahawanan yang ada pada kaum wanita dan kaum lelaki. Penemuan ini selari dengan teori feminisme yang mengandaikan tiada perbezaan ketara antara lelaki dan wanita sifat dan motivasi untuk mencapai kejayaan dalam bidang keusahawanan (Margaret & Patricia, 2006). Situasi yang sama berlaku di Malaysia dimana kajian mendapati kaum wanita banyak terlibat dalam perniagaan berskala kecil dan berorientasikan perkhidmatan (Thuaibah, et al., 2007).

Secara kesimpulan, kajian literatur terdahulu menunjukkan usahawan merupakan seseorang yang terlibat dalam aktiviti perniagaan. Manakala aktiviti keusahawanan boleh dipengaruhi oleh elemen-elemen yang ada dalam persekitaran sesebuah komuniti. Budaya merupakan elemen penting dalam pembentukan usahawan dan untuk mewujudkan persekitaran keusahawanan atau dinamakan masyarakat keusahawanan (*entrepreneurial society*).

## **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

### **Pendahuluan**

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu dapatan dari responden di Padang dan dapatan dari responden di Kota Bharu, Kelantan. Penyelidik menjalankan temubual 6 peniaga di Padang. Responden terdiri daripada usahawan yang menjalankan perniagaan pakaian dan tekstil, ukiran (kayu dan perak) dan makanan. Manakala di Kelantan kajian lebih tertumpu di Pasar Siti Khadijah yang kebanyakan mempunyai aktiviti perniagaan yang sama. Seramai 4 orang responden dipilih secara rawak untuk ditemubual.

### **Padang, Indonesia**

#### ***Demografi dan Status Sosial***

##### **i. Jenis perniagaan, sumber modal dan bilangan pekerja**

Jenis perniagaan yang dijalankan dipengaruhi oleh lokasi. Usahawan yang menjalankan perniagaan di Pasar Bawah, Pasar Atas dan Pasar Lereng banyak terlibat dengan perniagaan berasaskan pakaian, tekstil dan makanan. Manakala di Pandai Sikek dan Koto Baru ia lebih kepada aktiviti keusahawanan berasaskan kemahiran iaitu ukiran kayu, perak dan tenunan. Majoriti usahawan yang ditemui menjalankan perniagaan dengan sumber modal sendiri tanpa mendapat bantuan daripada mana-mana pihak, khususnya institusi kewangan. Semua usahawan mempunyai pekerja kurang dari 5 orang dengan majoriti dua orang iaitu pemilik sendiri.

##### **ii. Taraf pendidikan, pendapatan dan pemilikan harta**

Usahawan di semua lokasi kajian mendapat pendidikan asas sehingga sekolah menengah (SMA). Majoriti usahawan tidak memberikan dengan tepat anggaran jualan, sekadar memberi respon 'cukup untuk belanja harian'. Kebanyakan usahawan adalah golongan sederhana rendah dalam masyarakat di Indonesia. Mereka tidak mempunyai kenderaan sendiri dan mewarisi tempat tinggal dari nenek moyang mereka.

#### ***Persekitaran***

##### **i. Pembuat keputusan**

Wanita merupakan golongan berpengaruh yang menentukan keputusan dalam keluarga. Bersesuaian dengan amalan adat perpatih oleh masyarakat di sini. Keputusan-keputusan penting dalam keluarga biasanya diputuskan secara musyawarah bersama lelaki. Masyarakat masih berpegang teguh dengan amalan adat perpatih yang telah sebatik dalam kehidupan masyarakat disini. Daripada pemerhatian, kebanyakan perniagaan dikendalikan oleh wanita. Penglibatan wanita lebih kepada membantu menambah pendapatan keluarga.

“Kalau sekarang mungkin itulah tuntutan hidup...kalau dulu mungkin lelaki sahaja..tapi kalau sekarang yang suami aje kita harapkan untuk apa sedangkan untuk pendidikan anak semakin besar. Kadang-kadang juga gini kalau dulu kita perhatikan mungkin err tidak kelihatan perempuan itu berniaga maksudnya dia yang membuat hasilnya biasanya suami yang apakan...magnanya anak gadis dulu tidak pendidikan..mungkin kalau dulu kan perempuan itu lebih diapakan dia yang bikin yang berniaga itu pihak suami.”

Diperhatikan lelaki di Padang biasanya membantu perniagaan isteri-isteri mereka dengan menyediakan pengangkutan, susun atur barangan dalam penyediaan premis perniagaan.

“...pagi suami bukak (kedai)...sore kembali...”

## ii. Persepsi masyarakat terhadap aktiviti keusahawanan.

Secara amnya, dari respon yang diberikan, adat perpatih yang diamalkan tidak mempengaruhi aktiviti keusahawanan di sini. Bagaimanapun kerancakan aktiviti keusahawanan banyak dipengaruhi oleh persekitaran dimana majoriti penduduk terlibat dalam keusahawanan tanpa mengira saiz perniagaan. Faktor ini telah banyak mempengaruhi penduduk untuk sama-sama terlibat dalam keusahawanan. Keusahawanan dilihat sebagai aktiviti yang penting untuk menjana pendapatan.

### **Motivasi Keusahawanan**

#### i. Pekerjaan sebelum menceburi perniagaan

Maklumat yang diperolehi mendapati perniagaan adalah sumber ekonomi utama dikalangan penduduk disini. Kemahiran dalam bidang ini khasnya yang terlibat dalam ukiran dan tenunan diperolehi secara turun temurun. Ia diwarisi dari generasi ke generasi tanpa melalui proses latihan formal. Anak-anak dilatih semenjak kecil kemahiran yang berkaitan. Anak-anak lelaki diberi pendedahan dan latihan kemahiran mengukir manakala anak perempuan dalam bidang tenunan. Kebiasaannya masyarakat disini melatih anak-anak mereka selepas waktu persekolahan. Adalah satu keaiban bagi masyarakat setempat jika anak-anak mereka tidak menguasai kemahiran-kemahiran ini dengan baik.

Bagaimanapun, hasil daripada satu temubual mendapati golongan remaja lelaki tidak lagi berminat untuk menceburi bidang ukiran (*carving*). Pengusaha yang ditemubual melahirkan kebimbangan bidang ini akan ‘punah’ dalam masa terdekat kerana remaja lelaki lebih suka berhijrah ke kota-kota besar. Industri ukiran pada masa ini mengalami kepupusan tenaga mahir dikalangan remaja. Berbanding dengan tenunan ia masih bergerak aktif. Seorang pengusaha mempunyai pararajin<sup>2</sup> tenunan lebih 200 orang yang menunjukkan industri ini masih aktif diusahakan.

#### ii. Sokongan perniagaan

Kajian mendapati majoriti responden tidak mendapat bantuan daripada mana-mana pihak samada dalam bentuk sokongan kewangan atau bantuan bukan kewangan. Perniagaan dijalankan ke atas usaha sendiri dan usahawan tidak mempunyai strategi khusus untuk memajukan perniagaan mereka. Bagaimanapun dari hasil kajian juga mendapati satu koperasi baru ditubuhkan. Koperasi ini ditubuhkan untuk membantu usahawan mendapatkan pinjaman memandangkan kadar faedah yang dikenakan oleh bank adalah tinggi. Responden memaklumkan jumlah pinjaman disediakan berjumlah Rupiah 2 juta selama 5 bulan dengan kadar faedah 0.6%. Jumlah ahli setakat kajian dilakukan adalah kecil.

#### iii. Sokongan masyarakat

Motivasi keusahawanan khususnya di Bukit Tinggi banyak dipengaruhi oleh struktur sosial dimana kebanyakan penduduk disini terlibat dalam aktiviti perniagaan. Berdasarkan pemerhatian dan temubual kajian mendapati pengaruh persekitaran telah menjadi elemen penting dalam memotivasi masyarakat

<sup>2</sup> Pengusaha kecil iaitu individu pekerja yang mengambil upah menenun kain dan dibayar mengikut ukuran dan kualiti tenunan. Aktiviti ini dibuat di rumah masing-masing dan semua bahan mentah disediakan oleh pengusaha.

setempat untuk terlibat dalam bidang keusahawanan. Bagaimanapun ada responden yang tidak menggalakan anak-anak mereka mewarisi perniagaan kerana ketidaktentuan pendapatan. Antara respon yang diterima;

“...pasar ni lambak.kadang-kadang tempat ini kan harus gak selalu bisa. Kadang-kadang pemerintah bilang gak bisa niaga sini kita harus pindah...”

Daripada pemerhatian, usahawan tidak yakin kesinambungan tempat berniaga kerana tiada jaminan daripada kerajaan. Berkemungkinan mereka terpaksa berpindah ke lokasi baru atau terpaksa mencari lokasi lain jika mendapat arahan dari kerajaan.

## **Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan**

### ***Demografi dan Status Sosial***

#### **i. Jenis perniagaan, sumber modal dan bilangan pekerja**

Kebanyakan usahawan terlibat dengan aktiviti perniagaan berasaskan tekstil dan pakaian, barangan kelengkapan dapur, perak, tembaga, makanan (basah dan kering) dan cenderahati. Rata-rata aktiviti perniagaan didominasi oleh kaum wanita. Pasar ini merupakan pusat sehenti dimana semua jenis perniagaan dijalankan disini.

Seperti mana dapatan kajian di Padang, majoriti usahawan menggunakan modal sendiri dalam perniagaan mereka. Sebahagian kecil mendapat pembiayaan daripada agensi kerajaan seperti Tabung Ekonomi Usahawan Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Bank Pertanian. Masalah dokumentasi dan birokrasi faktor utama usahawan tidak mendapatkan bantuan daripada agensi terlibat. Dari segi saiz pekerja majoriti usahawan tidak mempunyai pekerja. Mereka adalah pemilik perniagaan dan pada waktu yang sama melaksanakan tugas seorang pekerja biasa. Terdapat juga perniagaan yang memiliki pekerja tetapi kurang dari 5 orang.

### ***Taraf pendidikan, pendapatan dan pemilikan harta***

Sebahagian besar usahawan tidak mempunyai pendidikan formal yang tinggi dengan majoriti mendapat pendidikan sehingga peringkat sekolah menengah. Bagaimanapun, kajian juga mendapati terdapat usahawan yang dibantu oleh anak-anak yang berpendidikan tinggi sehingga ada ke peringkat universiti. Kelemahan dalam aspek perngurusan yang berkaitan rekod perniagaan menyebabkan majoriti usahawan tidak dapat memberi jumlah yang tepat mengenai hasil jualan mereka. Majoriti usahawan di sini memiliki rumah dan kenderaan sendiri. Sebahagian pemilikan tempat tinggal melalui pewarisan, manakala sebahagian besar memperolehnya melalui usaha sendiri. Bagi pemilikan kenderaan majoriti responden menyatakan ia adalah milikan mereka.

### ***Persekitaran***

#### **i. Pembuat keputusan**

Majoriti responden menyatakan keputusan dalam keluarga diperolehi secara perbincangan dengan kata putus terletak pada golongan lelaki walaupun kebanyakan perniagaan disini didominasi oleh kaum wanita. Hasil pemerhatian mendapati kaum lelaki sebenarnya masih berperanan sebagai orang `dibelakang tabir`. Mereka berfungsi sebagai pekerja dan terlibat dalam tugas yang memerlukan tenaga seperti mengangkat dan menghantar barangan.

#### **ii. Persepsi masyarakat terhadap aktiviti keusahawanan.**

Dari respon yang diberikan kebanyakan usahawan berpendapat masyarakat mempunyai persepsi yang baik terhadap bidang keusahawanan berbanding dahulu. Dahulu bidang perniagaan dilihat sebagai jalan penyelesaian terakhir kepada isu pengangguran. Ia adalah kerja yang tidak `glamour` dan tidak menjamin masa depan yang baik. Bagaimanapun, kempen kerajaan telah banyak mengubah persepsi masyarakat.

### ***Motivasi Keusahawanan***

Kajian mendapati kebanyakan usahawan datang daripada keluarga yang terlibat dalam aktiviti perniagaan. Kemahiran dalam bidang tenunan dan ukiran diperolehi secara turun temurun diwarisi dari kemahiran generasi terdahulu. Bagaimanapun usahawan di sini telah mengadaptasi penggunaan teknologi (komputer dan mesin) dalam menghasilkan produk mereka. Bagaimanapun industri tenunan di Kelantan melalui zaman kesuraman dimana hanya tinggal 23 orang sahaja penenun mahir pada masa ini (Najib, 2009).

#### **i. Sokongan perniagaan**

Kajian mendapati terdapat sebilangan usahawan mendapat sokongan perniagaan daripada agensi kerajaan seperti Tabung Ekonomi Usahawan Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Bank Pertanian Malaysia Berhad dalam menjalankan aktiviti perniagaan. Bantuan yang disalurkan adalah dalam bentuk pinjaman kewangan. Majoriti usahawan tidak mendapat bantuan kewangan dan tidak pasti mengenai sokongan bukan kewangan yang turut disediakan oleh kerajaan.

#### **ii. Sokongan masyarakat**

Hasil dapatan dari temubual mendapati kebanyakan usahawan di sini mewarisi perniagaan dari keluarga. Secara amnya mereka telah lama terdedah dengan aktiviti perniagaan. Pengaruh persekitaran dikenalpasti sebagai pendorong utama kepada aktiviti usahawan dikalangan responden.

Daripada temubual dan pemerhatian, didapati banyak persamaan yang wujud dalam kegiatan keusahawanan diantara kedua-dua lokasi kajian. Bermula daripada jenis perniagaan yang dijalankan, motivasi keusahawanan sehingga kepada perwatakan usahawan dalam menjalankan aktiviti perniagaan. Kebanyakan responden memiliki ciri-ciri demografi yang sama. Mereka menjalankan perniagaan sebagai sumber pendapatan utama dan dijalankan secara turun menurun. Kekurangan dalam pendidikan formal bukan penghalang kepada kejayaan mereka. Pengetahuan tasit yang diperolehi daripada pendedahan perniagaan oleh keluarga dan persekitaran banyak membantu usahawan-usahawan ini menjalankan aktiviti perniagaan mereka. Apa yang menarik dalam kajian ini adalah suasana dan keramahan peniaga di lokasi kajian di Padang menyamai dengan peniaga di Kota Bharu, Kelantan. Keramahan dan layanan mereka menyebabkan pengkaji merasakan berada di Pasar Besar Siti Khadijah. Sepanjang berada di lokasi kajian pengkaji-pengkaji disapa dan dipelawa memasuki premis perniagaan mereka tidak ubah seperti suasana di Pasar Besar Siti Khadijah di Kota Bharu, Kelantan. Persamaan-persamaan yang wujud boleh dilihat seperti mana Jadual 1.

Daripada kajian ini juga didapati kaum wanita mendominasi kedua-dua lokasi kajian. Fenomena ini berlaku kerana keinginan tinggi wanita untuk sama-sama membantu meningkatkan taraf pendapatan keluarga. Di Padang, wanita memainkan peranan utama dalam institusi keluarga. Mereka menjadi pusat tumpuan dan pembuat keputusan bersesuaian dengan amalan adat perpatih yang diamalkan oleh masyarakatnya yang majoritinya adalah keturunan Minangkabau. Berbeza di Kota Bharu, walaupun perniagaan didominasi oleh wanita, kajian ini mendapati keputusan penting dibuat secara kolektif dengan mengadakan perbincangan dengan kaum lelaki. Kaum lelaki merupakan pihak yang mempunyai kata putus dalam membuat keputusan.

### **PERBINCANGAN**

Hasil kajian menunjukkan penglibatan wanita dalam kegiatan keusahawanan ini telah bermula secara turun temurun di kedua-dua lokasi kajian. Wanita menjalankan perniagaan dipasar-pasar manakala kaum lelaki terlibat dengan kegiatan ekonomi lain seperti pertanian, pengangkutan dan pertukangan. Fenomena ini dapat dilihat secara jelas di kedua-dua lokasi kajian. Di Kota Bharu, isteri yang berniaga biasanya dihantar oleh suami ke lokasi perniagaan dengan menggunakan teksi<sup>3</sup> dan kereta sewa. Mereka akan meneruskan kerja sebagai penarik beca dilokasi yang sama sementara menunggu isteri berniaga. Situasi yang sama dapat dilihat di Pandai Sikek dimana isteri terlibat dalam perniagaan tenunan sementara kaum suami pada

<sup>3</sup> Beza diistilahkan sebagai teksi dikalangan penduduk tempatan. Manakala teksi dikenali sebagai kereta sewa.



masa yang sama meneruskan kegiatan pertukangan dan pertanian. Amalan dan situasi ini telah lama wujud dan kesinambungannya diteruskan dari generasi ke generasi.

Perniagaan di kedua-dua lokasi dijalankan pada skala yang kecil. Ia kebanyakannya tergolong dibawah kategori bersaiz mikro dan kecil dengan pendapatan antara RM250,000 hingga RM10 juta setahun serta jumlah pekerja kurang dari 50 orang. Majoriti perniagaan memiliki pekerja kurang dari 5 orang pekerja. Modal adalah kekangan utama oleh semua responden kajian di kedua-dua lokasi. Selari dengan ciri-ciri yang ada pada PKS, mereka menjalankan perniagaan dengan modal terhad (Berry & Sweating, 2006). Ini menyebabkan saiz perniagaan lambat berkembang. Faktor kegagalan mendapatkan pembiayaan adalah kurang kesedaran mengenai adanya skim sokongan dari kerajaan dan mereka tidak bersedia untuk menerima campurtangan. Berbeza di Kota Bharu, Kelantan, usahawan menjadikan pajak gadai sebagai alternatif kepada sumber modal. Kajian ini mendapati kebanyakan peniaga wanita memiliki barang kemas emas dan dipakai sebagai perhiasan. Situasi ini dapat dilihat di pasar dimana majoriti peniaga wanita memakai perhiasan emas. Emas ini akan dicagarkan ke pajak gadai apabila mereka memerlukan wang. Fenomena ini tidak berlaku di lokasi kajian di Padang, Sumatera.

Penemuan kajian ini juga mendapati pengaruh persekitaran merupakan elemen penting dalam menggerakkan aktiviti keusahawanan. Persekitaran yang menyokong aktiviti keusahawanan menjadi pemangkin kepada penglibatan masyarakat dalam bidang keusahawanan. Ciri-ciri masyarakat keusahawanan jelas dapat dilihat di kedua-dua lokasi kajian. Majoriti penduduk di Padang bekerja sendiri dengan menjadikan bidang perniagaan sebagai sumber pendapatan utama.

Institusi keluarga banyak mempengaruhi budaya keusahawanan dimana kebanyakan perniagaan diwarisi secara turun-temurun. Kecenderungan terlibat dalam perniagaan dipercayai ekoran dari pendedahan berterusan oleh keluarga selain daripada kurangnya peluang melibatkan dalam kegiatan ekonomi lain seperti sektor pekerjaan yang menawarkan gaji bulanan. Keadaan ini mempunyai kaitan antara persekitaran ekonomi dan tahap kelulusan pendidikan yang dimiliki oleh sebahagian besar responden.

Usahawan di Kota Bharu mempunyai kelebihan dari sudut pemilikan aset berbanding usahawan di Padang. Kebanyakan usahawan di Kota Bharu memiliki aset sendiri yang sebahagian besarnya diperolehi hasil titik peluh mereka hasil dari perniagaan. Berbanding usahawan di Padang, sebahagian besar menyatakan tidak mempunyai kenderaan sendiri. Manakala, kediaman adalah diperolehi melalui pewarisan keluarga. Usahawan di Padang juga didapati berbeza dari sudut sokongan perniagaan yang diperolehi dari pihak luar khususnya dari pihak kerajaan. Berbanding dengan usahawan di Pasar Siti Khadijah, tiada responden di Padang yang menyatakan mendapat bantuan dan sokongan secara langsung daripada kerajaan terutama sokongan kewangan. Seorang responden iaitu Pengerusi Koperasi mendakwa sebahagian kecil daripada responden mendakwa mereka mendapat bantuan pinjaman dari koperasi.

Di Kota Bharu, daripada pemerhatian yang dibuat terdapat agensi sokongan perniagaan kerajaan yang beroperasi di Pasar Siti Khadijah. Ini menunjukkan usahawan di lokasi berkenaan lebih terdedah dan sedar mengenai khidmat bantuan sokongan yang ada untuk mereka. Situasi di Padang menarik untuk dikaji secara lebih mendalam menjurus kepada polisi bantuan dan sokongan perniagaan yang ada untuk usahawan tempatan.

Secara kesimpulan, terdapat banyak persamaan yang wujud diantara usahawan dan kegiatan keusahawanan dikedua-dua lokasi kajian. Persamaan tidak hanya terbatas kepada jenis perniagaan malah ia turut meliputi karakter usahawan.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Hasil kajian ini menunjukkan banyak persamaan yang wujud dalam kegiatan keusahawanan di kedua-dua lokasi kajian. Hasil daripada pemerhatian juga mendapati persamaan tidak terbatas kepada kegiatan ekonomi dan perwatakan usahawan, malah terdapat makanan tradisional di Kota Bharu yang sama di Padang. Mengambil contoh makanan tradisional lompat tikam<sup>4</sup> dan bubur beras pulut hitam<sup>5</sup>. Penyelidik mendapati makanan ini juga boleh didapati di Padang dan menjadi hidangan istimewa kepada tetamu yang

<sup>4</sup> Sejenis makanan tradisional iaitu pulut diwarnakan merah, santan dimasak pekat dan gula melaka cair. Ia dimakan dengan cara menggaulkan kesemua bahan tersebut dan rasanya agak manis.

<sup>5</sup> Beras pulut yang kehitaman dimasak dengan santan kelapa bersama gula melaka dimasak sehingga pekat.

bertandang. Makanan masyarakat Padang juga mempunyai rasa yang agak manis seperti mana kegemaran masyarakat di Kota Bharu, Kelantan yang memang terkenal menggemari masakan manis.

Persamaan yang wujud ini boleh dijadikan asas kepada penerokaan peluang-peluang perniagaan yang lebih luas diantara kedua-dua usahawan dinegara ini. Persamaan demografi dan jenis perniagaan memudahkan lagi proses kerjasama diantara kedua-dua pihak. Daripada pemerhatian yang dibuat sepanjang penyelidikan, kerjasama secara tidak langsung sebenarnya telah berlaku apabila ramai pengunjung ke Padang adalah terdiri daripada orang-orang Kelantan. Mereka yang datang bukan sekadar untuk melancong tetapi pada masa yang sama membuat tempahan dan pembelian produk khususnya produk tekstil. Produk ini dibeli dalam kuantiti yang besar dan dibawa balik untuk dijual kepada pelanggan. Kos produk yang jauh lebih murah menjadikan aktiviti perniagaan ini sangat berdaya maju. Jalinan kerjasama yang tidak formal ini boleh dimajukan lagi dengan menjadikannya lebih tersusun dan berstruktur. Persekitaran pasaran yang tidak berbeza memberi prospek yang baik untuk jalinan kerjasama bagi menjadi pendapatan yang lebih besar.

Kajian ini juga mencadangkan satu kajian yang lebih mendalam dibuat untuk melihat apakah bentuk bantuan dan sokongan perniagaan yang ada untuk menyokong jalinan kerjasama diantara kedua-dua usahawan ini khususnya kepada usahawan di Kota Bharu, Kelantan. Kajian perbandingan mengenai bantuan dan sokongan perniagaan diantara kedua-dua pihak juga boleh dilakukan. Ini kerana melalui penemuan kajian yang dilakukan mendapati majoriti usahawan di Padang tidak mendapatkan bantuan dan sokongan samada dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan daripada kerajaan mahu pun bukan kerajaan. Sebagai PKS yang memiliki pelbagai kelemahan dalam mengurus perniagaan sokongan perniagaan adalah elemen penting bagi memastikan ia terus relevan dan bersaing dalam pasaran yang semakin mencabar. Persamaan yang wujud di antara usahawan dan kegiatan keusahawanan di kedua-dua lokasi kajian mencerminkan masyarakatnya mempunyai nilai dan budaya yang hampir sama biar pun telah dipisahkan oleh jarak yang jauh. Kajian lebih mendalam berkaitan kegiatan keusahawanan boleh dilakukan agar penemuan-penemuan hasil kajian dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak.

Akhirnya, dari segi geografi pula kedudukan Kelantan dan Padang adalah berjauhan antara satu sama lain melangkaui Selat Melaka. Padang terletak di Pantai Barat Sumatera manakala Kelantan pula berada di utara Pantai Timur Semenanjung Malaysia (rujuk gambarajah 1). Persoalan disini jika tidak berlaku proses asimilasi dan interaksi diantara kedua-dua masyarakat ini, adakah persamaan ciri-ciri keusahawanan diantara mereka berlaku secara kebetulan? Jika faktor serumpun mempengaruhi persepsi ke atas bidang keusahawanan mengapa pula wanita Minang di Negeri Sembilan tidak menonjol dalam aktiviti keusahawanan berbanding wanita Kelantan? Untuk menjawab persoalan-persoalan dan menjelaskan fenomena ini ia memerlukan kajian yang lebih mendalam merentasi disiplin pada masa hadapan.

## RUJUKAN

- Alias, A. (2007). *Entrepreneur and entrepreneurship Fundamentals of Entrepreneurship*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Alias Ahmad, M. S., Siti Hajar Ali. (2008). Technical efficiency of small medium enterprise in Malaysia: A Stochastic Frontier Production Model. *International Journal of Economics and Management* 2(2), 408.
- Asian Development Bank Institute. (2010). Retrieved 1 May 2010 [www.adbi.org](http://www.adbi.org)
- Berry, A. J., & Sweating, R. (2006). The effect of business advice on the performance of SMEs. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 13(1), 33-47.
- Das, T. K., & Teng., B.-S. (1997). Time and entrepreneurial risk behavior. *Entrepreneurship: Theory and Practice*, 22(2), 69-88.
- J. Watson, & Newby, R. (2005). Biological sex, stereotypical sex-roles, and sme owner characteristic. *International Journal of Entrepreneurial and Research*, 11(2), 129-143.
- Jabatan Statistik. (2010). Available from Jabatan Statistik Malaysia Retrieved 1 March 2010 [www.statistic.gov.my](http://www.statistic.gov.my)
- Kelantan Tourism Information Centre. (2010) Retrieved 6 March 2010, 2010, from [www.tic.kelantan.gov.my/](http://www.tic.kelantan.gov.my/)
- Margaret, J. G., & Patricia, G. G. (2006). Feminist Theory And Study of Entrepreneurship. In Candida G. Brush, Nancy M. Carter, J. G. Elizabeth, G. G. Patricia & M. H. Myra (Eds.), *Women and*

*Entrepreneurship Contemporary Classic* (pp. 86-109). Massachusetts: Edward Elgar Publishing, Inc.

Najib, M. (2009). [Industri tenunan di Kelantan].

Normah, M. A. (2006). SMEs: Buiding blocks for economic growth. *National Statistics Conference*

Pemerintah Kota Padang. (2010). Retrieved 21 April 2010 [www.padang.go.id/](http://www.padang.go.id/)

Roffey, B., Stanger, A., Forsaith, D., McInnes, E., Petrone, F., Symes, C., et al. (1996). Women in Small Business: A Review of Research. *Cat. No. 96 0542 8, June*,


Schaper, M., & Vollery, T. (2004). *Entrepreneurship and Small Business: A Pacific Rim perspective*: John Wiley & Sons Australia, Ltd.

Sekretariat Majlis Pembangunan PKS. (2010, 1 Mac 2010), from [www.smeinfo.com.my](http://www.smeinfo.com.my)

Stevenson, S. J. (2010). *Entrepreneurial Characteristics: The phenomenological study of the perceived characteristics that influence women to pursus entrepreneurship*. Doctor of Philisophy, Capella University.

Thuaibah, A. B., Azlah, M. A., Hishamuddin, M. S., & Syaharaizatul, N. M. (2007). *Penglibatan kaum wanita dalam aktiviti keusahawanan di Negeri Johor: Kajian terhadap faktor-faktor kritikal kejayaan dan kegagalan pengendalian perniagaan*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu.

Universiti Sains Malaysia. (2010). Kajian Pemetaan DNA buktikan orang asia punyai persamaan genetik Retrieved 27 April 2010, 2010, from [www.usm.my](http://www.usm.my)



**Gambarajah 1: Peta kedudukan Negeri Kelantan di Semenanjung Malaysia dan Padang di Sumatera.**

**JADUAL 1: Perbandingan aktiviti keusahawanan**

<b>Konstruk</b>	<b>Padang</b>	<b>Kota Bharu</b>
<b>Demografi</b>		
• <b>Jenis perniagaan</b>	Pakaian, tekstil dan makanan	Pakaian, tekstil dan makanan
• <b>Sumber modal dan pekerja</b>	Modal sendiri, pekerja < 5 orang	Modal sendiri, pekerja < 5 orang
• <b>Taraf pendidikan</b>	Rendah	Rendah
<b>Persekitaran keluarga</b>		
• <b>Pembuat keputusan</b>	Lelaki	Lelaki
• <b>Persepsi masyarakat</b>	Perniagaan sumber pendapatan	Perniagaan sumber pendapatan
<b>Kegiatan ekonomi &amp; motivasi</b>		
• <b>Sokongan luar</b>	Tiada	Sebahagian kecil mendapat bantuan
• <b>Sokongan masyarakat</b>	Menyokong	Menyokong
• <b>Pendapatan pelancungan</b>	Ada	Ada